

23/06/2002

Rentetan peristiwa pengumuman Dr Mahathir

5.58 PETANG - Dr Mahathir mengumumkan peletakan jawatan sebagai Presiden Umno, Pengerusi BN dan semua jawatan dalam parti.

* Ahli MT mengerumuni Dr Mahathir untuk memujuk beliau.

* Abdullah: "Pengerusi Tetap Umno Malaysia, izinkan saya membuat cadangan supaya meminta Datuk Seri Dr Mahathir tarik balik, tarik balik cadangan beliau itu.

Dr Mahathir: "No! Please, no, I have decided...I have decided...dah lama dah...(mikrofon ditolak ahli Majlis Tertinggi).

* Sulaiman: Sabar sikit, sabar sikit, tolong tenang...tolong tenang, bertenang dulu, tolong tenang dulu...saya minta jurugambar-jurugambar keluar sama...jurugambar, jurugambar keluar...tolong bertenang....Tolong bertenang, ambil tempat masing-masing (Perwakilan menyanyi lagu Umno dan Barisan Kita)

Rafidah: "Majlis Tertinggi buat usul tergepar menolak sebulat suara peletakan jawatan..."

6.09 Pak Lah membuat usul tergepar

* "Asalamualaikum...Tun pengerusi tetap, kami Majlis Tertinggi dengan sebulat suara mahu mencadangkan untuk persetujuan semua, kita mahu supaya Dr Mahathir terus memimpin parti, setuju... (disambut perwakilan dengan laungan setuju). Cadangan beliau yang telah dikemukakan itu, secara sebulat suara kita tolak semua."

6.10 Sulaiman: "Saya minta, saya minta orang luar di atas ini tolong keluar...minta orang ini keluar dulu, Ahli Majlis Tertinggi tolong ambil tempat, boleh saya putuskan perkara ini, sama ada nak tangguh atau macam mana..."

6.11 Sulaiman: "Balik ke kerusi Majlis Tertinggi...saya akan tangguh persidangan ini selama 10 minit, minta ahli Majlis Tertinggi duduk. Yang di bawah minta tolong diam, perwakilan jangan keluar, dapat saya betulkan perkara ini dalam masa 10 minit...Tolong duduk tempat masing-masing, cuba ambil tempat masing-masing..."

6.13 Sulaiman: "Baliklah, minta mereka baliklah semua."

6.14 Sulaiman: "Tolong ambil tempat masing-masing, Ahli Majlis Tertinggi, tolonglah... Yang tak ada apa-apa masalah di sini, tolong turun..."

6.16 Visual siaran litar tertutup dimatikan, tetapi audio masih boleh diikuti.

* Sulaiman: "Sabar sedikit, saya sudah tangguhkan mesyuarat ini selama 10 minit, saya nak dapat keputusannya daripada Presiden sama ada dia boleh menarik balik ucapannya tadi atau tidak. Sabar...sabar sikit. Kita sudah beritahu kepada Presiden Perhimpunan Agung menolak ucapannya itu...tolong sabar 10 minit."

6.17 Sulaiman: "Tolong duduk sebentar, saya sudah sampaikan kepada Presiden perhimpunan ini menolak atas penarikan diri beliau..."

6.21 Sulaiman: Bagi makluman perwakilan, saya menunggu masa 10 minit lagi apa keputusan yang dibawa Pak Lah kepada saya. Saya sudah memberitahu kepada Presiden dengan mulut saya sendiri mengatakan perhimpunan ini menolak atas kehendak beliau meletakkan jawatan, terima kasih. Harap bersabar sekejap, kalau saya tak dapat apa-apa keputusan daripada Presiden, saya akan tangguhkan mesyuarat ini kepada satu masa akan datang, keputusan akan dibuat kemudian."

* Audio siaran litar tertutup pula dimatikan.

* 6.42 Siaran litar tertutup kembali ke udara.

* Sulaiman: "..di luar dewan saya nampak ada kecoh sedikit sekarang ini, saya harap yang di sebelah bawah juga harap bertenang sekejap sampai saya dapat keputusan daripada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada saya, harap bertenang, sabar sedikit, saya menunggu berita..."

* 6.44 Sulaiman: "Saya berterima kasih kepada perwakilan yang ada di dalam dewan ini dapat bersama-sama saya bertenang, Alhamdulillah. Tetapi di luar dewan sana lagi heboh sikit. Tunggulah sekejap lagi...Ahli Majlis Tertinggi tolong ambil tempat masing-masing, kalau saya dapat tenang di bawah, yang di atas bersepah juga, tak guna."

6.42 Sulaiman: "...Datuk Seri Abdullah akan mengumumkan atas perbincangan beliau dengan Perdana Menteri. Silakan Yang Amat Berhormat...Tolong senyap dan masuk semua, diam-diam...Ahli Majlis Tertinggi ambil tempat masing-masing."

* Abdullah: "Assalamualaikum...Yang Berbahagia, Tun Sulaiman Ninam Shah, Pengerusi Tetap, izinkan saya membuat sedikit pengumuman. Ahli-ahli Majlis Tertinggi khususnya pemimpin pada peringkat Naib Presiden, Setiausaha Agung, Pergerakan Pemuda, Wanita...Majlis Tertinggi Umno telah pun merayu kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, presiden kita, supaya... atau menjadi kehendak kita semua seperti mana yang disuarakan tadi dan sokongan seratus peratus yang telah dinyatakan kepada usul supaya beliau tidak meletakkan jawatan, tarik balik usulnya...dan saya mengambil masa yang agak panjang juga...dan beliau bersetuju saya membuat pengumuman iaitu beliau akan terus kekal memegang jawatan-jawatan...(disambut sorakan gemuruh perwakilan)...Tun Pengerusi Tetap dengan ini saya cadangkan kepada Yang Amat Berbahagia Tun supaya Perhimpunan Agung Umno pada kali ini ditangguhkan dan sebelum itu kita membaca doa, kita minta Dr Hamid (Datuk Dr Abdul Hamid Othman) membaca doa, ditangguhkan dan kita baca selawat seperti biasa...dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada bersama keluarga dan tidak mengkehendaki kita mengganggu beliau masa ini.

6.57 Sulaiman: "Itu keputusan yang sudah dibuat, bermaknanya Yang Amat Berhormat Presiden kekal seperti mana biasa. Saya minta Dr Hamid membacakan doa selamat.

6.58 Abdul Hamid membacakan doa.

7.00 Sulaiman: "Terima kasih. Sidang perwakilan sekalian. Saya tangguhkan perhimpunan agung ini ke satu tarikh yang akan ditetapkan dengan kita menyanyikan lagu Negaraku serta selawat. Negaraku dan selawat. Nyanyian negaraku dan selawat.

(END)